

PM terima kunjungan hormat Presiden Timor-Leste

BH - 13/12/2022 w/s : 7

Putrajaya: Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim semalam menerima kunjungan hormat daripada Presiden Timor-Leste, Dr José Ramos-Horta serta mengadakan perbincangan dua hala di Seri Perdana di sini.

Ramos-Horta dan delegasi tiba di Malaysia kelmarin untuk lawatan khas dan antaranya bertemu Anwar bagi membincangkan serta menilai kemajuan kerjasama antara kedua-dua nega-

ra selain meneroka ruang kerjasama baharu.

Dalam perbincangan hampir sejam bermula jam 12.10 tengah hari, Ramos-Horta turut merakamkan ucapan tahniah kepada Anwar atas pelantikan beliau sebagai Perdana Menteri Malaysia Ke-10.

Turut serta dalam perbincangan dua hala itu Menteri Ekonomi, Mohd Rafizi Ramli; Timbalan Menteri Luar, Datuk Mohamad Alamin dan Timbalan

Ketua Setiausaha Kementerian Luar, Datuk Norman Muhammad.

Yang turut hadir, Ketua Pengarah Hal Ehwal ASEAN Timor Leste, Milena Rangel dan Duta Besar Timor-Leste ke Malaysia, Joana Veneranda Amaral.

Ramos-Horta dan delegasi kemudian diraikan dalam jamuan tengah hari.

Malaysia dan Timor-Leste mengekalkan hubungan yang erat dan mesra sebelum kemerdeka-

an Timor-Leste pada 2002.

Malaysia adalah negara pertama menubuhkan Pejabat Perhubungan di Dili pada 13 April 2001 dan negara pertama dalam kalangan negara ASEAN yang menubuhkan Kedutaan Besar di Dili pada 19 Mei 2002.

Malaysia secara aktif sentiasa menyokong Timor-Leste dari aspek pembangunan sosial, keselamatan dan ekonomi, terutamanya dalam menyediakan kursus latihan pembinaan kapasiti

untuk pegawai Timor Leste menerusi Program Kerjasama Teknikal Malaysia (MTCP).

Pada 2021, Malaysia rakan dagangan kelapan terbesar Timor-Leste dan destinasi eksport ke-13 serta sumber import ketujuh.

Jumlah perdagangan dua hala antara Malaysia dan Timor-Leste mencatatkan AS\$84.6 juta bagi tempoh Januari hingga Oktober 2022.

BERNAMA